

19 JUL 1999

Mahathir-Veteran

HILANGKAN PENGARUH PAS, TERAPKAN PERJUANGAN UMNO, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata anggota UMNO perlu membetulkan keluarga terutama anak-cucu mereka yang mungkin telah diresapi dengan pengaruh PAS.

Perdana Menteri berkata beliau mendapati ramai di kalangan generasi muda dan yang masih menuntut di universiti, yang sebilangan besarnya anak orang UMNO, terlibat dengan usaha menentang kerajaan malahan sampai ke tahap memberi beliau pelbagai gelaran termasuk Firaun.

Katanya, itu semua disebabkan pengaruh PAS terhadap generasi muda meresap dengan mudah kerana generasi tua tidak mendidik anak mereka tentang susah payah perjuangan UMNO, dan menyedarkan mereka bahawa kejayaan yang dikecapi hari ini juga adalah hasil perjuangan datuk nenek mereka melalui UMNO.

"Semua ini adalah kerana dakyah PAS, mereka menghasut anak orang UMNO menentang kerajaan yang dipimpin oleh UMNO. Yang ini saya tak boleh terima," katanya pada majlis perjumpaan dengan kira-kira 50 orang Veteran UMNO Kedah di kediamannya "Pondok Maharizan" Titi Gajah, dekat sini, hari ini.

Presiden UMNO itu juga berkata perlakuan anak muda itu juga disebabkan mereka terpengaruh dengan kehidupan zaman moden yang bebas.

Tetapi janganlah kebebasan itu sehingga menyebabkan mereka menentang apa yang telah dibina oleh datuk nenek mereka, katanya.

"Oleh itu kita perlu perbetulkan keluarga kita dahulu dengan cara kita mengumnokan keluarga kita. Kita perlu beritahu anak cucu kita tentang perjuangan UMNO, bukan perjuangan PAS.

"Jangan biarkan anak cucu dari keluarga orang UMNO tulen, pengasas UMNO terlibat dengan usaha merosakkan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa penubuhan UMNO dahulu, para pendukung parti itu tidak pernah terfikir untuk memperjuangkan kepentingan diri sendiri tetapi mengutamakan kepentingan masyarakat.

Sekarang, katanya, hasil perjuangan itu, telah ramai orang Melayu yang menjadi pegawai tinggi, peguam, jurutera, menerajui sektor korporat dan menjadi jutawan.

Ini semua adalah hasil perjuangan UMNO, katanya, sambil membidas PAS yang berterusan mengkritik kerajaan terutama apabila semakin dekat dengan pilihan raya umum.

-- BERNAMA

MZM NMO